



HASHIMI Abdul Manap (depan, tiga kanan) bergambar bersama pengurusan Gas Malaysia Malaysia dan penerima sumbangan dalam majlis penyerahan bantuan tersebut dekat Masjid Al Faizin, Seksyen 28 di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Gas Malaysia bantu asnaf, mangsa bencana

SHAH ALAM: Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) prihatin kepada golongan asnaf dengan menyerahkan zakat wakaf sebanyak RM2 juta.

Selain itu, Gas Malaysia turut menyerahkan zakat sebanyak RM1 juta bagi membantu mangsa bencana alam di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Hashimi Abdul Manap berkata, antara bantuan yang diserahkan termasuklah barangan

keperluan asas kepada golongan sasaran atau memerlukan.

"Pada program hari ini contohnya kita menyampaikan bantuan di bawah CSR berupa barangan keperluan asas seperti beras, gula pasir, tepung gandum, rempah ratus dan lain-lain.

"Seramai 250 orang dalam kalangan asnaf yang kita dapatkan data daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima bantuan tersebut hari ini (semalam)," katanya pada majlis penyampaian sumbangan di

Masjid Al Faizin Seksyen 28 di sini semalam.

Beliau menambah, Gas Malaysia yang juga ahli Kumpulan MMC sentiasa prihatin dengan golongan masyarakat yang memerlukan terutama dalam kalangan asnaf.

"Inisiatif yang kita lakukan pada bulan Ramadan ini mencerminkan dedikasi syarikat kami untuk mengurangkan beban yang dihadapi golongan kurang berkemampuan," katanya.